



LAPORAN TAHUNAN 2023

Annual Report 2023



GEOPARK AND GEOTOURISM CREATIVE SOLUTIONS



KANDUNGAN CONTENTS

- | | | | |
|-----------|---|--------------|--|
| 03 | Mengenai Kami <i>About Us</i> | 10 | Pengurusan Projek 2022 <i>Project Management of 2022</i> |
| 04 | Falsafah & Objektif <i>Philosophy & Objective</i> | 11 | Pengurusan Projek 2021 <i>Project Management of 2021</i> |
| 05 | Wawasan & Misi <i>Vision & Mission</i> | 12 | Lipis Geopark |
| 06 | Pasukan Kami <i>Our Team</i> | 13 | Lenggong Geopark |
| 07 | Perundingan, Penyelidikan, Pendidikan & Jaringan <i>Consultation, Research, Education & Network</i> | 14 | Klien <i>Clients</i> |
| 08 | Pembangunan Keupayaan <i>Capacity Development</i> | 15 | Rakan Strategik <i>Strategic Partners</i> |
| 09 | Pengurusan Projek 2023 <i>Project Management of 2023</i> | 16-17 | Perkembangan Syarikat <i>Company Development</i> |



MENGENAI KAMI ABOUT US

Geowarisan untuk Masyarakat Geoheritage for Society

Geopark & Geotourism Creative Solutions Sdn. Bhd. (GGCS), ditubuhkan pada September 2021, merupakan pemain penting dalam pembangunan geopark dan geopelancongan dengan menitikberatkan pemuliharaan warisan geologi, biologi dan budaya. Perkhidmatan syarikat ini termasuklah sebagai penasihat dan perunding, membantu sesebuah wilayah membangunkan geopark, membuat penilaian semula geopark, membangunkan geotapak dan georintis bagi tujuan pemuliharaan dan geopelancongan.

Geopark & Geotourism Creative Solutions Sdn. Bhd. (GGCS), established in September 2021, is an important player in the development of geoparks and geotourism with an emphasis on the conservation of geological, biological, and cultural heritage. The company's services include being an advisor and consultant, helping a region develop a geopark, reassessing a geopark, and developing geosites and geopioneers for the purposes of conservation and geotourism.

Syarikat ini juga menyediakan perkhidmatan teknikal seperti menulis dossier geopark, menggubal pelan pengurusan, pelan tindakan (blueprint) dan memeta geotapak. Selain daripada perkhidmatan perundingan, kami menawarkan program latihan merangkumi pengurusan warisan geologi, biologi dan budaya serta memberi panduan pengurusan geopelancongan. Kepakaran Syarikat ini juga meliputi penilaian dan pemetaan bencana geologi, menyumbang kepada pembangunan lestari sambil menangani cabaran geologi.

The company also provides technical services such as writing geopark dossiers, drafting management plans, blueprints, and geosite mapping. In addition to consulting services, we offer training programmes covering geological, biological, and cultural heritage management as well as providing guidance on geotourism management. The company's expertise also includes geological disaster assessment and mapping, contributing to sustainable development while addressing geological challenges.



FALSAFAH • PHILOSOPHY

Mengangkat nilai warisan sumber bumi untuk kelestarian alam dan kesejahteraan masyarakat melalui pemuliharaan, pembangunan geowarisan dan geopelancongan.

Advocating heritage value set of Earth's resources for environmental sustainability and societal well-being through the advancement of geoheritage, geoconservation and geotourism.

Mengamal penggunaan sumber warisan alam secara alami dengan memperkasa ekonomi masyarakat dan pelancongan berasaskan ilmu pengetahuan.

Practising the utilization of Earth's heritage resources non-destructively by empowering societal economy and knowledge-based business.

OBJEKTIF • OBJECTIVES

Memberikan khidmat nasihat berkualiti tinggi, perundingan dan penyelesaian kreatif mengenai perancangan dan pembangunan geopark, geotapak dan geopelancongan.

Providing highest quality advisory, consultancy and creative solutions on planning and development of geosite, geopark and geotourism.

Menjadi peneraju dalam perkhidmatan perundingan dan pembangunan produk berkaitan geopark dan geopelancongan.

Be a leader in consultancy services and product development related to geopark and geotourism



WAWASAN • VISION

Peneraju bertaraf global bagi perundingan geopark dan geopelancongan

Global leader of the geopark and geotourism advocacy and consultancy

MISI • MISSION

Menjadikan pembangunan warisan geologi dihargai dan bermanfaat untuk kesejahteraan masyarakat.

Making geoheritage development appreciated and valuable for societal well-being.

Memainkan peranan sebagai penasihat untuk pelan pembangunan geopark dan geopelancongan.

Play an advisory roles for geopark and geotourism planning and development.

Mejadi perunding dalam pemetaan geotapak dan pembangunan produk geopelancongan.

Become a consultant in geosite mapping and geotourism product development.

Memajukan pembelajaran kreatif tentang geowarisan, geopemuliharaan, geopark dan kemajuan geopelancongan.

Advance creative learning on geoheritage, geoconservation, geopark and geotourism advancement.

PASUKAN KAMI | OUR TEAM

PENGURUSAN | MANAGEMENT



Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Komoo
Ketua Pegawai Eksekutif



Dato' Zakaria Mohamad
Pengarah Bukan Eksekutif



PGeol Gs Abd Rasid Jaapar
Pengarah Teknikal



Dr Rapidah Mat Stafa
Pengurus Operasi



Puan Shaidatul Munirah Musa
Eksekutif Korporat

PAKAR PERUNDING UTAMA | CORE EXPERTS



Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Komoo
Geopark & Geopelancongan



Prof Dr Norhayati Ahmad
Kepelbagaian Biologi & Warisan Terintegrasi



Prof Dr Che Aziz Ali
Geowarisan & Geopemuliharaan



Prof Dato' Dr Norzaini Azman
Dasar & Tadbir Urus Pengajian Tinggi



Dr Rapidah Mat Stafa
Geologi Pemuliharaan

PAKAR PERUNDING JEMPUTAN | INVITED EXPERTS



Prof Dato' Dr Mokhtar Saidin
Arkeologi & Prasejarah



Prof Dr Asan Ali Golam Hassan
Ekonomi & Pembangunan Sosial



Dr Kamal Roslan Mohamed
Geologi & Sedimentologi



Dr Lim Choun Sian
Geospasial & Penderiaan Jauh



Dr. Mohd Zulhafiz Said
Kelestarian Komuniti



Prof. Dr. Azman Abd Ghani
Petrologi Igneus & Mineralogi



Prof. Madya Dr. Azimah Hussein
Kejuruteraan Mineral & Petrografi



Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain
Sejarah Kesultanan & Pemerintahan

PEGAWAI PENYELIDIK TETAP RESEARCH OFFICER



Adhwayasya Rizal
Ahli Geologi




Mohamad Arif Irfan
Ahli Geologi



Fatin Najhan
Ahli Biologi



Wan Daraputri Razali
Pengurusan Biologi



Shyeh Sahibul Karamah Masnan
Ahli Arkeologi

PEGAWAI PENYELIDIK LUAR EXTERNAL RESEARCH OFFICER

PERUNDINGAN, PENYELIDIKAN, PENDIDIKAN & JARINGAN

CONSULTATION, RESEARCH, EDUCATION & NETWORK

01 >> 13 JAN 2023

Ceramah: Debris Flood Disaster - Experiences from Recent Events in Sg. Bentong, Pahang and Sg. Kupang, Kedah. Achieving SDG, Improving Livability.

Talk: Debris Flood Disaster - Recent Experiences in Sg. Bentong, Pahang and Sg. Kupang, Kedah. Achieving the SDGs, Improving Liveability.

02 >> 6-10 FEBRUARI 2023

Kerja Lapangan Tinjauan Batu Kapur Lembah Kinta Kinta Valley Limestone Survey Fieldwork

03 >> 3-4 MAC 2023

Bengkel Penulisan Pencirian & Penilaian Batu Kapur Lembah Kinta untuk Penggunaan Lestari Writing Workshop on Characterization & Evaluation of Kinta Valley Limestone for Sustainable Utilization

04 >> 10-14 MAC 2023

Misi Penasihatatan ke Toba Caldera UGGp Advisory Mission to Toba Caldera UGGp

05 >> 17-19 MEI 2023

Perbincangan Kumpulan Terfokus (FGD) Blueprint Langkawi UGGp Focus Group Discussion (FGD) Langkawi UGGp Blueprint

06 >> 22-30 MEI 2023

Kerja Lapangan bagi Pembangunan Lipis Geopark Fieldwork for the Development of Lipis Geopark

07 >> 7-11 JULAI 2023

Kerja Lapangan bagi Pembangunan Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia Fieldwork for the Development of Pahang World Heritage Destination Blueprint

08 >> 10 JULAI 2023

Mesyuarat YTL Cement dan YB Menteri Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai Kosortium Penyelidikan Universiti - Industri mengenai Landskap Batu Kapur Kars Tropika Meeting between YTL Cement and YB Minister of the Ministry of Higher Education (MOHE) on the University-Industry Research Consortium for Tropical Limestone Karst Landscape

09 >> 12 JULAI 2023

Syarah oleh Prof Che Aziz Ali dalam Bicara Muzium Chimney Ikon Kebangsaan Perlombongan Arang Batu Terawal di Malaysia Speech by Prof Che Aziz Ali in the National Icon Chimney Museum Talk of the Earliest Coal Mining in Malaysia

10 >> 18-22 JULAI 2023

Kerja lapangan bagi Pembangunan Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia 2024-2028 Fieldwork for the Development of Pahang World Heritage Destination 2024-2028 Blueprint

11 >> 16-30 JULAI 2023

Penilai Untuk Misi Penilaian UNESCO Global Geopark Wilayah Taining, Longyan & Changbaijan, China

Validator for UNESCO Global Geopark Validation and Revalidation Mission of Taining, Longyan & Changbaijan Province, China

12 >> 9-10 OGOS 2023

Bengkel Penulisan Dossier Lipis geopark Writing Workshop on Lipis Geopark Dossier

13 >> 23-25 OKT OGOS 2023

Perbincangan Kumpulan Pakar (EGD) bagi Penggubalan Blueprint Langkawi UGGp 2024-2028 Expert Group Discussion (EGD) for the Drafting of the Langkawi UGGp 2024-2028 Blueprint



2



4



6



7



8



8



11



11



12



13

PEMBANGUNAN KEUPAYAAN CAPACITY DEVELOPMENT

01 >> 13 OGOS 2023

Pembentangan Draft Blueprint Langkawi UGGp 2024 – 2028 dalam sesi Townhall
Presentation on the Draft of Langkawi UGGp 2024 - 2028 Blueprint in the Townhall session

02 >> 14 OGOS 2023

Latihan Pemandu Pelancong Georintis Tuba
Training on Geotrail of Tuba Tour Guide

03 >> 6 SEPTEMBER 2023

Mesyuarat Lembaga Eksekutif GGN dan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat bersama semua UGGp yang terlibat di Marrakesh, Morocco

GGN Executive Board Meeting and Advisory Committee Meeting with all UGGp in Marrakesh, Morocco

04 >> 15-17 SEPTEMBER 2023

Misi Pra Penilaian Lipis Geopark Peringkat Kebangsaan

Lipis Geopark Pre-Assessment Mission for National Level

05 >> 24-28 SEPTEMBER 2023

Misi Penilaian Lipis Geopark Peringkat Kebangsaan

Lipis Geopark Assessment Mission for National Level Recognition

06 >> 21-23 OKTOBER 2023

Ceramah bertajuk “Transformasi Pengurusan Bakat Akademik Universiti Awam”. Persidangan Nasional Pengurusan Sumber Manusia

Speech entitled "Transformation of Academic Talent Management of Public Universities". National Conference on Human Resource Management

07 >> 22-23 OKTOBER 2023

Kursus Serantau ke-6 mengenai Geopark Global UNESCO 2023: Cabaran & Peluang dalam Mengurus Geopark Kepulauan

The 6th Regional Course on UNESCO Global Geopark 2023: Challenges & Opportunities in Managing Island Geopark

08 >> 23-25 OKTOBER 2023

Perbincangan Kumpulan Pakar (EGD) Blueprint Langkawi UGGp 2024-2028

Expert Group Discussion (EGD) on Langkawi UGGp 2024-2028 Blueprint

09 >> 26 OKTOBER 2023

Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Program MyBrain 2.0 antara KPT dan YTL Cement Berhad dan Majlis Pelancaran Konsortium Universiti – Industri Kelestarian Landskap Kars Batu Kapur Tropika

The Memorandum of Understanding's (MoU) exchange ceremony for the MyBrain 2.0 Program between the Ministry of Higher Education (MOHE) and YTL Cement Berhad, and the Launching Ceremony of the Research Consortium University-Industry for Tropical Limestone Karst Landscape

10 >> 7-8 NOV 2023

Perbincangan Kumpulan Pakar (EGD) Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia 2024-2028

Expert Group Discussion (EGD) on Pahang World Heritage Destination 2024-2028 Blueprint

11 >> 16 NOV 2023

Pembentangan Draft Blueprint Pahang Destinasi Warisan Dunia 2024-2028 kepada JK Pembangunan & Promosi

Presentation of the Draft of Pahang World Heritage Destination 2024-2028 Blueprint to the Development & Promotion Committee

12 >> 19 NOV 2023

Pembentangan Draft Blueprint Langkawi UGGp 2024-2028 kepada LADA

Presentation of the Draft of Langkawi UGGp 2024-2028 Blueprint to LADA



PENGURUSAN PROJEK 2023

PROJECT MANAGEMENT 2023

Pra-2023

Projek yang diperoleh pada tahun sebelumnya, dibawa dan diselesaikan ke tahun berikutnya.

Projects acquired in the previous year, carried over and completed to the following year.

2023


Projek yang diperoleh pada tahun 2023, diusahakan dan diselesaikan pada tahun yang sama.

Projects acquired in 2023, worked on and completed in the same year.

Pasca-2023

Projek yang diperoleh pada tahun 2023, dan dibawa sehingga ke tahun seterusnya.

The project acquired in 2023, and carried over to the next year.



PENGURUSAN PROJEK 2022

PROJECT MANAGEMENT 2022



01

Konsep & Pembangunan Kandungan Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Awam Geotapak Bukit Kanthan

Concept & Content Development of Bukit Kanthan Geosite Research and Public Education Centre

Pembangunan Geotapak & Georintis Tuba untuk Produk Geopelancongan

02

Development of Geosites & Tuba Georints for Geotourism Products



03

Pendedahan pada Bencana Aliran Serpihan di Bentong, Pahang

Exposure on Debris Flow Disaster in Bentong, Pahang

Projek Potensi Lembangan Lubuk Yu sebagai Taman Geologi (Geopark), Pahang

04

Lubuk Yu Basin Potential Project as a Geological Park (Geopark), Pahang



05

Pencirian dan Penilaian Batu Kapur Lembah Kinta untuk Penggunaan Lestari

Characterization and Evaluation of Kinta Valley Limestone for Sustainable Use

PENGURUSAN PROJEK 2021 PROJECT MANAGEMENT 2021

01



**GGCS-Geosite 01:
Fundamental of Geodiversity
& Geoheritage**

02



**JMG Top Management
Dialogue on National Geosites
Mapping Plan: Policy and
Economic Development**

03



**Course & Dialogue for
Development of Geosites in
Meratus Geopark, Indonesia**

04



**Dokumen Kandungan
Galeri Lenggong Geopark**

05



**Pemetaan Geotapak
Gunung Kantan**

06



**Kajian Forensik Banjir
Puing 2021 Lembangan
Sungai Bentung, Pahang**


LIPIS GEOPARK

Lipis telah diisytihar sebagai Geopark Kebangsaan oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan pada 9 November 2023, menjadikannya yang pertama di Pahang. Aktiviti persediaan telah bermula pada 2018, tetapi perancangan sebenar bermula pada tahun 2022 sejak Perbadanan Taman Negara Pahang (PTNP) diberikan mandat untuk menerajuiinya. Wilayah Lipis Geopark mempunyai keluasan 5,408 km persegi, iaitu geopark terluas di Malaysia.

Lipis was declared a national geopark by the National Geopark Committee on November 9, 2023, making it the first in Pahang. Preparatory activities began in 2018, but the actual planning began in 2022 since the Pahang National Park Corporation (PTNP) was given the mandate to lead it. The Lipis Geopark region has an area of 5,408 sq km, which is the largest geopark in Malaysia.

Namun, pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark dapat memperkenalkan Lipis sebagai destinasi pelancongan ilmu bertaraf dunia. Bagi memastikan ini berlaku menjelang 2025, perancangan dan tindakan seterusnya termasuklah menggerakkan projek pembangunan Lipis Geopark ke arah UGGp dalam tempoh 2024–2025, termasuklah menyediakan dossier, pelan pengurusan, pembangunan prasarana asas geopelancongan, aktiviti Jaringan Kebangsaan, APGN & GGN; serta aktiviti pemerikasaan komuniti. Tindakan terdekat pada tahun 2024 ialah Majlis Pemahsyuran Lipis Geopark yang akan diadakan pada 18 Jan 2024, bertempat di Kampung Merapoh. Majlis ini akan dirasmikan oleh KDYMM Yang di-Pertuan Agong.

However, recognition as a UNESCO Global Geopark can introduce Lipis as a world-class knowledge-based tourism destination. To ensure this happens by 2025, planning and subsequent actions include moving the Lipis Geopark development project towards UGGp in the period 2024–2025, including preparing a dossier, a management plan, the development of basic geotourism infrastructure, National Network activities, APGN and GGN, as well as community empowerment activities. The immediate action to be undertaken is the Lipis Geopark Inauguration Ceremony, which will be held on January 18, 2024, located in Kampung Merapoh. This ceremony will be officiated by His Highness, the Yang di-Pertuan Agong.



Geotapak Granit Pos Betau
Pos Betau Granite Geosite



Misi penilaian di Sekolah Clifford
Assessment mission at Clifford School



Bersewang di Pos Betau
Sewang dance at Pos Betau



Stesen KTM Lipis
KTM Lipis Station



Tenun Pahang
The brand name Tenun Pahang



Nasi kebuli unik di Lipis
Kebuli rice is unique to Lipis

LENGGONG GEOPARK

Lenggong telah diisytihar sebagai Geopark Kebangsaan oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan pada 16 Disember 2021, menjadikannya yang kedua di Perak selepas Geopark Lembah Kinta pada tahun 2017. Wilayah Lipis Geopark mempunyai keluasan 2,892.65 km persegi.


Lenggong was declared a National Geopark by the National Geopark Committee on 16 December 2021, making it the second in Perak after the Kinta Valley Geopark in 2017. The Lipis Geopark area has an area of 2,892.65 square km.

Kesan meteorit di Bukit Bunuh pada 1.83 juta tahun dahulu, merupakan peristiwa geologi sejarah utama di Lenggong aUGGp. Kesan di Lenggong amat penting kerana ia berkaitan dengan penemuan tinggalan budaya masyarakat prasejarah. Landskap kars tropika dan kehadiran gua di batu kapur Devonian Lenggong (419–359 juta tahun) merupakan landskap indah yang bernilai saintifik tinggi dengan bukti tamadun manusia purba pada Zaman Batu.

The meteorite impact on Bukit Bunuh at 1.83 million years ago, is the main historical geological event in Lenggong aUGGp. The impact at Lenggong is very important because it is related to the discovery of cultural remains from prehistoric societies. The tropical karst landscape and the presence of caves in the Devonian Lenggong limestone (419–359 million years old) are scenic landscapes of high scientific value with evidence of ancient human civilisation in the Stone Age.

Lembah Lenggong telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO berdasarkan warisan geoarkeologi pada tahun 2012. Lenggong juga mempunyai sumber warisan geologi yang bernilai tinggi, yang masih belum dimanfaatkan. Langkah seterusnya ialah mencalonkan Lenggong Geopark sebagai UNESCO Global Geopark menjelang 2026, untuk menggalakkan usaha pemuliharaan warisan bersepadu dan membangunkan sumber warisan secara lestari melalui geopelancongan.

Lenggong Valley was recognised as a UNESCO World Heritage Site based on geoarchaeological heritage in 2012. Lenggong also has high-value geological heritage resources, which are still underutilised. The next step is to nominate Lenggong Geopark as a UNESCO Global Geopark by 2026, to encourage integrated heritage conservation efforts and develop heritage resources sustainably through geotourism.



Mesyuarat di KETSA Putrajaya
Meeting with NRE at Putrajaya



Lenggong Geopark bersama YB Datuk Seri DR. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah



Seminar Lenggong Gp
Lenggong Gp seminar



Townhall bersama komuniti
Townhall with the community



Majlis pecah tanah Galeri
Ground-breaking ceremony for the gallery



Aktiviti mendaki gunung
Mountain hike activity

KLIEN CLIENT



Hubungan GGCS bersama klien merupakan tonggak kejayaan syarikat. Klien kami merupakan pemain penting dalam sektor kerajaan dan swasta, termasuklah dalam dan luar negara. Kepelbagaian ini membolehkan kami memenuhi keperluan dan memastikan pendekatan yang menyeluruh dalam berkhidmat, bagi menangani permintaan dari peringkat kebangsaan dan global.

Kepuasan klien merupakan komitmen terbesar di dalam syarikat ini. Maklum balas klien terhadap perkhidmatan kami amat memberangsangkan. Klien berpuas hati dan memperakui kecekapan kami dalam menjalankan kajian saintifik, kepakaran yang merentasi pelbagai domain, kemahiran kami dalam membangun kandungan, dan kreativiti kami.

PTNP, YTL Cement dan LADA merupakan antara klien utama kami, yang telah menyumbang secara ketara kepada pendapatan syarikat. Kepercayaan mereka terhadap keupayaan kami membantu pertumbuhan syarikat dan mengukuhkan kedudukan kami dalam pasaran.

GGCS's relationship with clients is a pillar of the company's success. Our clients are important players in the government and private sectors, including domestically and internationally. This diversity allows us to meet the needs and ensure a comprehensive approach to serving and addressing requests at national and global levels.

Client satisfaction is the biggest commitment in this company. Client feedback on our services has been overwhelming. They are satisfied and attest to our competence in conducting scientific studies, our expertise across multiple domains, our skills in content development, and our creativity.

PTNP, YTL Cement, and LADA are among our main clients, which have contributed significantly to the company's income. Their confidence in our capabilities helped the company grow and strengthen our position in the market.



Lembaga
Pembangunan
Langkawi (LADA)




YTL
Corporation
Berhad



Perbadanan
Taman Negeri
Pahang (PTNP)



Jabatan Mineral
Geosains (JMG)



Kementerian Energi dan
Sumber Daya Mineral
Republik Indonesia
(Kementerian ESDM RI)



Raja Ampat
Geopark




Lenggong
Geopark



Komite Nasional
Geopark
Indonesia



Universitas
Indonesia



Meratus
Geopark



Kalimantan
Selatan



Sarawak Delta
Geopark

RAKAN STRATEGIK STRATEGIC PARTNERS



Kejayaan syarikat dibina atas kerjasama bersama beberapa rakan kongsi yang mempunyai kekuatan dan keunikan tersendiri, yang membantu syarikat mencapai kejayaan.

Geomapping Technology Sdn Bhd (GMT) adalah antara rakan kongsi yang banyak menyumbang kepada syarikat. Mereka telah membantu dalam pengurusan dan menyediakan teknologi terkini seperti LiDAR dan Abem Terrameter LS2 untuk pemetaan dan geofizik. Kerjasama ini terjalin ketika memetakan landskap batu kapur di Bukit Kanthan.

Eworks pula merupakan rakan kreatif kami. Penghasilan reka bentuk dan pencetakan Blueprint Pahang, Blueprint Langkawi dan beberapa infopanel untuk projek Lipis Geopark membuktikan hasil kerja dan komitmen yang kreatif dan menakjubkan.

Kerjasama bersama Taman-Taman Sabah dan Chemsains memberi tumpuan kepada pengurusan geopark secara bertanggungjawab. Kami berkerjasama memastikan kelestarian Kinabalu UGGp dan bekerja ke arah Sarawak Delta UNESCO Global Geopark.

Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL) dan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) adalah rakan kongsi kami dalam kajian saintifik. Mereka membantu kami menjalankan penyelidikan di Langkawi UGGp dan Lenggong Geopark, memperluaskan pemahaman kami tentang geotapak di wilayah tersebut. Mereka juga membantu dalam penerbitan beberapa artikel dan kertas saintifik.

The company's success is built on collaboration with several partners who have their own strengths and uniqueness, which help the company achieve success.

Geomapping Technology Sdn Bhd (GMT) is one of the partners who contributes a lot to the company. They have helped in management and provided the latest technology, such as LiDAR and Abem Terrameter LS2, for mapping and geophysics. This collaboration was established when mapping the limestone landscape in Bukit Kanthan.

Eworks is our creative partner. The design, layout and printing of Blueprint Pahang, Blueprint Langkawi, and several info panels for the Lipis Geopark project proves the result of creative and amazing work and commitment.

Collaboration with Taman-Taman Sabah and Chemsains focuses on responsible geopark management. Together, we strive for the sustainability of Kinabalu UGGp and work towards establishing the aspiring Sarawak Delta UNESCO Global Geopark.

Langkawi Research Centre (PPL) and the Global Archaeological Research Centre (PPAG) are our partners in scientific studies. They helped us conduct research in Langkawi UGGp and Lenggong Geopark, expanding our understanding of geosites in the region. They also help in the publication of several scientific articles and papers.




Chemsain




eworks
Creative
Solution



GMT Group



Pusat Penyelidikan
Arkeologi Global -
USM



Taman-Taman
Sabah



Pusat
Penyelidikan
Langkawi - UKM



GeoSight

PERKEMBANGAN SYARIKAT

COMPANY DEVELOPMENT



Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah di Seminar Penyelidikan & Pendidikan Perhutanan bagi Taman Negeri Rompin, Pahang. 6 Mac 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as invited speaker in the Forestry Research & Education Seminar for Rompin State Park, Pahang. March 6, 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah bagi Pra-Penilaian II – Gunung Sewu UGGp, 3 Jun 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as a speaker for the Pre-Assessment II - Gunung Sewu UGGp, 3 June 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai pembentang jemputan bagi Cadangan Penambahbaikan dalam Penguatan Sinergisitas Pengelolaan & Kemitraan Geopark di Yogyakarta, Indonesia. 5 Jun 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as an invited presenter for Improvement Proposals in Strengthening the Synergy of Geopark Management & Partnership in Yogyakarta, Indonesia. June 5, 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai pembentang di BoG-Stakeholders Engagement on the Geoscience for Sustainability & Resilience Cities in Sarawak. 7 Jun 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as a presenter at BoG-Stakeholders Engagement on the Geoscience for Sustainability & Resilience Cities in Sarawak. June 7, 2023.

Dr. Che Aziz Ali sebagai penceramah bagi 'Special Task – New Concept and Approaches in Managing Earth Resources Successfully' di Minggu Geosains, 7-9 Jun 2023. Penganjur: Persatuan Geologi Malaysia.

Dr. Che Aziz Ali as a speaker for 'Special Task - New Concept and Approaches in Managing Earth Resources Successfully' at Geoscience Week, 7-9 June 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai Penceramah Ucaptama bagi Pembangunan & Pengurusan UNESCO Global Geopark di Kebumen International Expo: Geopark Kebumen Mendunia. 18 Jun 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as the Keynote Speaker on UNESCO Global Geopark Development & Management at Kebumen International Expo: Kebumen Geopark. 18 June 2023.

Prof. Dr. Norhayati Ahmad sebagai panelis dalam Seminar Nasional Membangun Jejaring Pengembangan Geopark Ranah Minang Silokek menuju UGGp dan Majlis Menandatangani MoU antara Langkawi UGGp dan Ranah Minang Silokek Geopark. 19-20 Jun 2023.

Prof. Dr. Norhayati Ahmad as a panelist in the National Seminar on Developing Networks for the Development of Ranah Minang Silokek Geopark towards UGGp and the MoU Signing Ceremony between Langkawi UGGp and Ranah Minang Silokek Geopark, 19-20 June 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah jemputan bagi 'Geoheritage for Conservation and Sustainable Use' di Persidangan Antarabangsa Pemuliharaan Warisan & Budaya, 16-18 Ogos 2023. Penganjur: Universitas Tanjungpura (UNTAN), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Malaysia Sabah & Universiti Malaysia Sarawak.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as the invited speaker on 'Geoheritage for Conservation and Sustainable Use' at the International Heritage & Cultural Conservation Conference. 16-18 August 2023. Organisers: Universitas Tanjungpura (UNTAN), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Malaysia Sabah & Universiti Malaysia Sarawak.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo: 'Geosite Mapping for Conservation and Sustainable Use: Case from Kinta Valley Aspiring Geopark, Malaysia' di Persidangan Antarabangsa Ke-10 Geopark Global UNESCO di Marrakech, Morocco, 7 September 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo: 'Geosite Mapping for Conservation and Sustainable Use: Case from Kinta Valley Aspiring Geopark, Malaysia' at the 10th International Conference on UNESCO Global Geoparks in Marrakesh, Morocco, 7 September 2023.

Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman: 'Community Forum as A Tool for The Development of Langkawi UGGp' di Persidangan Antarabangsa Ke-10 Geopark Global UNESCO di Marrakech, Morocco. 7 September 2023.

Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman: 'Community Forum as A Tool for The Development of Langkawi Unesco Global Geopark' at the 10th International Conference on UNESCO Global Geoparks in Marrakech, Morocco, 7 September 2023.

Prof. Dr. Norhayati Ahmad: 'Development of Tuba Geotrail as the Latest Geoproduct for Geotourism in Langkawi Unesco Global Geopark' di Persidangan Antarabangsa Ke-10 Geopark Global UNESCO di Marrakech, Morocco. 7 September 2023.

Prof. Dr. Norhayati Ahmad: 'Development of Tuba Geotrail as The Latest Geoproduct for Geotourism in Langkawi Unesco Global Geopark' at the 10th International Conference on UNESCO Global Geoparks in Marrakech, Morocco, 7 September 2023.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah jemputan bagi 'Delta Sarawak Menuju UNESCO Global Geopark' di Inter-Agency Workshop on Sarawak Delta. 3-4 Oktober 2023. Penganjur: Sarawak Delta Geopark.

Prof. Dato' Ibrahim Komoo as the invited speaker on 'Sarawak Delta Towards UNESCO Global Geopark' at the Inter-Agency Workshop on Sarawak Delta. 3-4 October 2023. Organiser: Sarawak Delta Geopark.

PERKEMBANGAN SYARIKAT

COMPANY DEVELOPMENT

01



01 >> Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai pembentang kertas putih 'Pengurusan Bersepadu Ekosistem Selat Melaka untuk Kelestarian dan Keselamatan Makanan' di Konvensyen Akademia 2023, 6-7 Oktober 2023. Penganjur: Akademi Profesor Malaysia. Prof. Dato' Ibrahim Komoo as a paper presenter on 'Integrated Management of the Straits of Malacca Ecosystem for Sustainability and Food Safety' at the 2023 Akademia Convention, 6-7 October 2023. Organiser: Academy of Professors Malaysia.

02



02 >> Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah jemputan bagi 'Geosite Identification and Their Management in UNESCO Global Geoparks' di 7th International Training Course on UGGp Management & Development, 8-13 Oktober 2023. Penganjur: Asia Pacific Geoparks Network (APGN). Prof. Dato' Ibrahim Komoo as guest speaker for 'Geosite Identification and Their Management in UNESCO Global Geoparks' at the 7th International Training Course on UGGp Management & Development, 8-13 October 2023. Organiser: Asia Pacific Geoparks Network (APGN).

05



03 >> Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah jemputan bagi 'Geosite for Conservation & Geotourism' di Kursus Serantau ke-6 UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 Oktober 2023. Penganjur: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Prof. Dato' Ibrahim Komoo as a guest speaker for 'Geosite for Conservation & Geotourism' at the 6th Regional Course on UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 October 2023. Organizer: Langkawi Development Authority (LADA).

04 >> Dr. Che Aziz Ali sebagai penceramah jemputan bagi Geosite Management and Development di Kursus Serantau ke-6 UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 Oktober 2023. Penganjur: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Dr. Che Aziz Ali as a guest speaker for Geosite Management and Development at the 6th Regional Course on UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 October 2023. Organiser: Langkawi Development Board (LADA).

06



05 >> Prof. Dr. Norhayati Ahmad sebagai penceramah jemputan bagi 'Biodiversity in Geosite Development' di Kursus Serantau ke-6 UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 Oktober 2023. Penganjur: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Prof. Dr. Norhayati Ahmad as an invited speaker for 'Biodiversity in Geosite Development' at the 6th Regional Course on UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 October 2023. Organiser: Langkawi Development Board (LADA).

06 >> Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman sebagai penceramah jemputan bagi 'Resilient Island Community' di Kursus Serantau ke-6 UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 Oktober 2023. Penganjur: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman as an invited speaker for 'Resilient Island Community' at the 6th Regional Course on UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 October 2023. Organiser: Langkawi Development Board (LADA).

08



07 >> Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai penceramah jemputan bagi History, Development & Management For Sustainability: Special Attention to Management of Island's Geopark di Kursus Serantau ke-6 UNESCO Global Geopark, Langkawi UGGp, 21-23 Oktober 2023. Penganjur: Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Prof. Dato' Ibrahim Komoo as a guest speaker for 'History, Development & Management for Sustainability: Special Attention to Management of Island's Geopark' at the 6th UNESCO Global Geopark Regional Course, Langkawi UGGp, 21-23 October 2023. Organiser: Langkawi Development Authority (LADA).

08 >> Prof. Dato' Ibrahim Komoo sebagai pengucaptama bagi 'Global Geopark: History, Challenges and Opportunities' di Bohol Island UGGp International Forum on Sustainable Management of Geoparks, 5 Disember 2023. Prof. Dato' Ibrahim Komoo as the keynote speaker for 'Global Geopark: History, Challenges and Opportunities' at the Bohol Island UGGp International Forum on Sustainable Management of Geoparks, 5 December 2023.

Terima kasih Thank you

ADVISORY | CONSULTANCY | CREATIVITY

HUBUNGI KAMI . CONTACT US

Lot 3-Level 3, Wisma SDARA,
No. 3, Jalan Seri Putra 1/6, Bandar Seri Putra,
43000 Kajang, Selangor. Malaysia



Email | information.ggcs@gmail.com

Gs. Abd Rasid Jaapar | (+60) 19 355 5915

Dr. Rapidah Mat Stafa | (+60) 12 321 3690

Office | (+60) 3 8920 3506

Website | www.ggsc.com.my

GEPARK & GEOTOURISM CREATIVE
SOLUTIONS SDN. BHD. (1405971-W)

